



LANTIKAN PENERUSI DAN TIGA AHLI LEMBAGA PENGARAH BAHARU

UDA HOLDINGS BERHAD

Kuala Lumpur, 12 Mac 2019 - Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) mengumumkan pelantikan Datuk Hisham Hamdan sebagai Pengerusi UDA Holdings Berhad (UDA) yang baharu. Selain itu, MED turut mengumumkan pelantikan tiga Ahli Lembaga Pengarah baharu yang terdiri daripada Dato' Mohd Rafee Mohamed, Dato' Rosli Dahlan dan Ar. Mohamad Subki Ahmad bagi menggantikan komposisi Ahli Lembaga Pengarah UDA yang telah tamat tempoh perkhidmatannya. Pelantikan Pengerusi dan tiga Ahli Lembaga Pengarah baharu UDA ini telah berkuat kuasa sejak 28 Februari 2019.

Datuk Hisham Hamdan merupakan Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Ketua, Penyelidikan dan Strategi Pelaburan Khazanah serta memiliki 28 tahun pengalaman dalam pelbagai struktur korporat seperti pembangunan hartanah, kesihatan, pelaburan perniagaan, tenaga dan utiliti di peringkat antarabangsa. Dato' Mohd Rafee Mohamed pula merupakan Jurukur Bahan yang berdaftar dengan Lembaga Jurukur Malaysia, Fellow kepada *The Royal Institution of Surveyors Malaysia* dan ahli kepada *The Royal Institution of Chartered Surveyors (RICB)*. Manakala Dato' Rosli Dahlan pula merupakan Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan juga peguam syarie untuk Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. Sementara itu, Ar. Mohamad Subki Ahmad berpengalaman luas dalam pelbagai jenis pembangunan seni bina dan juga terlibat dalam Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan Institut Pereka Dalaman Malaysia (IPDM).

MED mengalu-alukan pelantikan Pengerusi dan tiga Ahli Lembaga Pengarah baharu bagi UDA dalam barisan kepimpinan syarikat dan yakin pengalaman luas yang mereka miliki terutamanya dalam bidang pembangunan hartanah, perundangan, arkitek dan juga Jurukur Bahan akan dapat menyuntik semangat dan menjadi aspirasi untuk UDA terus mencapai kecemerlangan dan bersedia menggalas setiap amanah yang diberikan.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), merupakan salah satu organisasi pembangunan hartanah dan pengurusan aset dan fasiliti yang berdaya saing dan terkemuka di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan harta dan fasiliti, kompleks beli-belah serta industri pelancongan. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Lembah Klang dan bandar-bandar utama lain di Malaysia sejak tahun 1971.

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- Radziah Mohamed Fadzil | radziah@udanet.com | +6017 337 7630
- Latifah Osman (Lat) | lat@udanet.com | +6012 291 5427

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan

UDA Holdings Berhad, Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855